

Perdana Menteri arah siasatan rapi kes Faisal, Zayn Rayyan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu polis melakukan siasatan rapi terhadap semua kes yang mendapatkan perhatian umum khususnya memabitkan pemain Harimau Malaya, Faisal Halim dan pembunuhan kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin.

Menegaskan tidak akan sesekali campur tangan, Perdana Menteri berkata, beliau memahami keresahan rakyat memabitkan kes terbabit.

“Sekarang riuh-rendah kes penderaan pemain bola sepak, kes pembunuhan seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU), kita prihatin, saya Perdana Menteri tetapi saya juga manusia saya juga nak tahu me-

ngapa sampai jadi begini, siapa yang sampai hati boleh dera dan bunuh dengan kejam seorang anak.

“Kalau saya, saya nak polis jawab esok, tapi proses kena lalu. Kita tak peduli siapa tapi saya faham rakyat juga rasa resah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam di sini, semalam.

Bagaimanapun, Anwar berkata, apa yang boleh beliau lakukan adalah meminta Menteri Dalam Negeri memastikan siasatan rapi disegerakan.

Katanya, beliau pernah me-

manggil Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, supaya menyejajarkan siasatan dengan rapi tanpa sebarang campur tangan.

“Jangan (timbulkan) persepsi, hanya fikir mungkin orang ini salah, ikut tafsiran hukum, ini tak boleh.

“Sekarang ini dalam TikTok, semua jadi hakim. Serang menghukum terus, kata kita melindungi, apa yang melindungi?” soalnya.

Semalam, ibu bapa Zayn Rayyan Abdul Matiin didakwa di Mahkamah Sesyen, Petaling Jaya atas tuduhan mengabaikan

kanak-kanak autisme itu dengan cara yang mungkin menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal pada Disember tahun lalu.

Bagaimanapun, Zaim Ikhwan Zahari dan Ismanira Abdul Manaf masing-masing berusia 29 tahun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

Pemain Harimau Malaya, Faisal Halim, turut membuat kemunculan buat pertama kali di khalayak ramai semalam selepas menjadi mangsa serangan asid pada 5 Mei lalu.

Sementara itu, pada sidang media berasingan, Mohd Shuhaily berkata polis belum dapat

mengenal pasti motif serangan asid ke atas Faisal serta dua lagi pemain bola sepak negara.

Katanya, siasatan bagi mengesan pelaku dalam kes itu masih giat dijalankan dan tidak akan berhenti sehingga pelakunya ditangkap.

Beliau berkata, PDRM kini meluaskan skop siasatan termasuk mengambil beberapa keterangan di pejabat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sendiri memabitkan dua fasa dan kini ia memasuki fasa kedua.

“Namun buat masa ini kita belum dapat *established* (memastikan) motif (serangan) ke atas ketiga-tiga serangan (ke atas Faisal, Akhyar Rashid dan Safiq Rahim) itu,” katanya.